

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 22 RABU 31HB. MEI 1972 1392 ربيع الاخير 17 PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara  
Pengiran Momin.

### PG. DIPA NEGARA DI-LANTEK MENJADI PEMANGKU M.B.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah telah melantek Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menjadi Pemangku Menteri Besar bagi Negeri Brunei. Perlantekan tersebut mulai berjalan kuat kuasa-nya dari 15hb. Mei, 1972.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga telah melantek Yang Mulia Dato Paduka Awang Matnor McAfee menjadi Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai dari tarikh yang sama.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim sekarang ini sedang berchuti sa-belum bersara.

### D.Y.M.M. akan merasmikan Pangkalan Minyak Seria

**SERIA.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah telah berkenan menerima jemputan Sharikat

### LEBEH \$2,000 UNTOK HADIAH2 PERADUAN SENILUKIS

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Lebih \$2,000 telah di-untukkan bagi hadiah2 kepada pemenang2 peraduan senilukis sempena sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 dalam bulan Julai hadapan.

Peraduan itu di-kelolakan oleh sa-buah jawatankuasa yang di-bentuk untuk membimbing nilai seni lukis dan pameran-nya di-Brunei.

Sa-telah penghakiman semipurna di-jalankan, maka satu pameran lukisan2 itu sa-lama 10 hari akan di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 13 hingga 22 Julai dari pukul 8.30 pagi hingga 10.00 malam.

Enam bahagian lukisan telah di-tentukan untuk peraduan tersebut yang terdiri dari lukisan2 potret wajah2 keluarga Diraja; pemandangan (landscape); benda kaku (still-life); archa (sculpture); seni abstrak (abstract art); dan seni batek (batik art).

Peraduan tersebut terbuka kepada tiga peringkat ia-itu peringkat2 orang dewasa, penuntut2 Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Atas dan penuntut2 Sekolah2 Menengah Bawah (tingkatan I, II dan III).

Juruchapak peraduan itu menyatakan bahawa peraduan itu hanya di-khaskan bagi penulis2 yang berada di-dalam Negeri Brunei sahaja dan mereka ada-lah bebas melahirkan karya2 dengan apa jua

chara dengan tidak menghadkan bentuk dan besar-nya.

Tetapi, kata-nya, lukisan2 itu hendak-lah di-bingkai (frame) atau di-lekatkan dengan kertas tebal.

Beliau menjelaskan lagi, sungguh pun mereka bebas melahirkan karya2, tetapi mereka di-bolehkan menghantar untuk peraduan hanya sa-buah bagi tiap2 bahagian.

(Lihat muka 8)

**MUARA.** — Kapal penyapu periok api dari Angkatan Tentera Laut Diraja British, H.M.S. Shearton (gambar bawah) te'ah singah di-pangkalan Laut AMDB di-Muara pada minggu lalu.

Kapal tersebut ada-lah salah sa-buah dari dua buah kapal penyapu periok api dari angkatan laut British yang sedang dalam perjalanan dari Hong Kong ka-Scotland dan Brunei ada-lah pelabohan yang pertama di-singahi oleh kapal tersebut.

Kapal tersebut telah di-buka kepada orang ramai sa-masa bertambat di-pangkalan laut di-Muara pada hari Ahad lepas.



### EMPAT PEGAWAI AMDB DI-KURNIAKAN 'LENCHANA PENERBANGAN'

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengurniakan "Lenchana Penerbangan" kepada empat orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei dalam satu istiadat di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Pegawai2 itu ia-lah Kapitan Karim bin Safar, Pegawai Waran II Kifli bin Awang Besar, Sgt. Harun bin Jais dan Sgt. Ishak bin Zainal. Sa-takat ini sa-ramai 8 orang pegawai yang terdiri dari anak2 tempatan telah menerima lenchana penerbangan itu.

Sa-orang juruchapak AMDB menyatakan bahawa dengan pengurniaan lenchana itu ada-lah menandakan yang mereka itu mempunyai kelayakan untuk memandu pesawat helikopter.

Gambar atas dari kiri menunjokkan WO II Kifli, Sgt. Ishak Kapitan Karim dan Sgt. Harun sa-lepas menerima pengurniaan lenchana itu.



## TUJUAN MEMBERI MAKAN DAN MINUM:

1) Tujuan-nya kerana hendak mendatangkan dzat2 makanan yang tertentu kepada murid2 pada tiap2 hari sekolah di-buka dengan mengikuti sukatan yang sa-imbang dengan keadaan murid2.

2) Sa-telah beberapa tahun di-ambil perhatian maka hasil2 yang di-maksudkan oleh Kerajaan ada-lah memuaskan, dengan sebab itu Kerajaan meluaskan lagi dalam memberi kemudahan bahagian ini serta mengemukakan sa-chara borong dan di-tawarkan kepada orang ramai. Dahulu urusan ini di-kelolakan oleh Guru Besar.

3) Guru2 Besar ada-lah bertanggung jawab bagi menerima dan memeriksa bahan2 makanan yang di-hantar oleh pemborong2 sa-hingga memberi puas hati diri masing2.

## PERKAKAS PERMAKANAN:

1) Perkakas permaikan keseluruhan-nya di-sediakan oleh Kerajaan dan di-beri ka-sekolah2.

2) Guru Besar, apabila menerima perkakas itu hendaklah dengan segera memasokkan ka-buku simpanan perkakas yang berchap serta mengikuti kehendak Siaran Kekal Jabatan Pelajaran Bilangan 4/1969.

3) Guru2 Besar hendaklah sentiasa memeriksa dan mengingatkan kepada tukang2 masak, guru2 dan murid2 bagi menjaga keselamatan harta benda itu supaya jangan rosak, chichir atau hilang.

## MAKAN DAN MINUM:

1) Jenis2 makanan dan ramuan2-nya yang di-kehendaki ada-lah seperti yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian yang telah di-tanda tangani oleh pemborong. Guru2 Besar apabila menerima barang mahu-lah berpandu dari sana.

2) Jadual Giliran dan makan yang di-lakukan pada tiap2 hari seperti yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran. Perkara ini hendaklah di-ikuti dengan betul.

3) Hal minum sama-lah seperti maksud 1 dan 2.

4) Masakan terpulang-lah kepada kemahuan Guru2 Besar bagi menyesuaikan asalkan jangan terkeluar dari yang di-kehendaki.

## DEWAN DAN DAPOR:

1) Saya sudah pun melawat ka-sekolah2 dan boleh-lah dikatakan hampir2 habis telah saya datangi, dan saya berasa puas hati melihat keadaan kebersihan dewan dan dapur2 itu kerana mengikut khimat

**B**ERIKUT ini ia-lah inti-sari dari cheramah Awang Haji Md. Daud bin Serudin, Ketua Nazir Ranchangan Permaikan Sekolah2 yang di-sampaikan dalam kursus Guru2 Besar dan Penulung Guru2 Besar yang baru lalu.

Di-sekolah2 seluruh negeri, sejak beberapa tahun yang silam telah di-adakan ranchangan permaikan ini dengan chara yang lebeh meluas. Kita semua sudah maalum akan keadaan

itu, tetapi sa-bilangan besar dari kita tidak mengetahui dengan lebeh jauh lagi perkara2 yang lebeh penting di-dalam ranchangan permaikan itu.

Oleh yang demikian, maka ada baik-nya cheramah beliau itu kami siarkan dengan tujuan untuk dapat membantu menambah pengetahuan kita berhubung dengan ranchangan tersebut. — Pengarang.

# RANCHANGAN PERMAIKAN SEKOLAH2 NEGERI BRUNEI

OLEH: AWG. HJ. MD. DAUD BIN SERUDIN  
Ketua Nazir Ranchangan Permaikan Sekolah2

saya keseluruhan-nya mempunyai peratoran2 bersendirian dengan mengikut keadaan kedudukan sekolah2 itu.

2) Daftar2 perkakas dan lain2 hendaklah sentiasa ada bergantung di-tempat2 yang sesuai di-dalam dewan atau di-dalam dapur.

## SEKOLAH2 DAN KERAMAIAN-nya:

|                                 |              |
|---------------------------------|--------------|
| 1) Sekolah2 Rendah Melayu       | — 17,950     |
| 2) Sekolah2 Menengah Melayu     | — 5,025      |
| 3) Sekolah2 Persediaan Inggeris | — 4,311      |
| 4) Sekolah2 Menengah Inggeris   | — 7,625      |
|                                 | <hr/> 34,911 |

Dalam kumpulan sekolah2 ini termasuklah Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong; Maktab Perguruan Ueama Paduka Seri Begawan; Sekolah2 Menengah Arab dan Sekolah2 Pertukangan.

## PERUNTOKAN TAHUN 1972:

|                                 |                   |
|---------------------------------|-------------------|
| 1) Tukang Masak bergaji bulan   | — \$ 226,200.00   |
| 2) Tukang Masak bergaji hari    | — \$ 170,000.00   |
| 3) Sekolah2 Rendah Melayu       | — \$ 1,266,350.00 |
| 4) Sekolah2 Menengah Melayu     | — \$ 150,000.00   |
| 5) Sekolah2 Persediaan Inggeris | — \$ 90,000.00    |
| 6) Sekolah2 Menengah Inggeris   | — \$ 136,858.00   |
| 7) Perkakas                     | —                 |
| 8) Membaiki Dapur Semen-tara    | — \$ 5,000.00     |

|                             |                      |
|-----------------------------|----------------------|
| 9) Membuat Dapur Semen-tara | — \$ 10,000.00       |
|                             | <hr/> \$2,054,408.00 |

Peruntokan yang di-sajikan ini sa-benar-nya belum men-chukupi hingga ka-akhir tahun 1972 ini, dengan sebab itu kami telah membuat permohonan tambahan sa-banyak \$791,640.67 bagi mengatasi kekurangan2 tersebut.

## TUKANG MASAK:

1) Tukang Masak bahagian Ranchangan Permaikan bagi seluruh negeri masa ini, keramaiannya ada-lah seperti berikut:

|                  |            |
|------------------|------------|
| a) Bergaji bulan | — 93 orang |
| b) Bergaji       |            |

hari — 110 orang

2) Sungguh pun Tukang Masak ini sudah ada berjumlah 203 orang, tetapi telah didapati ada banyak lagi permohonan Guru2 Besar telah diterima kerana murid2 bertambah ramai dan Tukang Masak pula tidak cukup. Hal ini telah di-sedari, saya bersedia akan memenohkannya, hanya dukachita wang peruntokan tidak men-chukupi, saya sedang membuat anggaran peruntokan bagi tambahan sa-ramai 12 orang.

## NADZIR2 SEKOLAH:

Mengikut Siaran Kekal No. 1/1960, kand: dlm ED. SFS 2/1960 bertarikh 8hb. Nobember, 1960 ada-lah di-tugaskan bagi memerhati hal perjalanan Ranchangan Permaikan Sekolah2.



**P**EGAWAI Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh kelihatan dalam gambar di-atas sedang memperkenankan Setia Usaha JHEU, Awang Haji Abdullah bin Metasan kepada ketua salah satu pasukan yang menyertai perarakan Maulud Nabi di-Pekan Tutong baru2 ini.

Lebeh dari 3,000 orang umat Islam yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kampung, sekolah2 dan Jabatan Kerajaan di-

daerah itu telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Awang Haji Abdullah yang mewakili Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama juga telah menyampaikan sijil2 kepada peserta2 perarakan tersebut.

Maulud Nabi Mohammad s.a.w. telah di-sambut sa-chara besar2an di-seluruh negeri dan Daerah Tutong ada-lah daerah yang terakhir merayakan hari yang bersejarah itu.

**ADA-LAH** di-kesahkan bahawa pada suatu hari sa-orang raja di-Tanah Arab bersiar2 dengan mengendari kuda-nya sambil memperhatikan keadaan kota dan raayat-nya tanpa di-keta-hui oleh sa-siapa jua pun.

Sa-telah puas mengelilingi kota itu dan sa-telah memerhati sendiri tentang keadaan hidup raayat baginda, maka ternyata-lah bahawa baginda merasa puas hati dengan keadaan hidup raayat baginda. Di-dalam perjalanan baginda balek ka-istana, baginda ternampak sa-orang peladang sedang giat bekerja menyangkol tanah dengan wajah yang penoh dengan kegembiraan. Baginda berhenti di-hadapan peladang itu seraya menegor-nya;

"Wahai peladang, jelas ku lihat terbayang di-wajah mu kegembiraan jua, walau pun engkau sedang bekerja keras. Ada-kah tanah yang engkau usahakan ini kepunyaan mu?"

Peladang yang riang itu menjawab dengan jujur-nya (tanpa menyedari bahawa yang bertanya kepada-nya itu ia-lah raja-nya sendiri): "Saya hanya menerima upah tuan, dan saya bukan-lah dari golongan petani2 yang kaya".

Raja bertanya: "Berapa-kah upah yang engkau terima pada sa-tiap hari?"

Jawab peladang: "Sa-puluh kupang tuan".

"Sedikit benar, boleh-kah itu menchukopi wahai peladang?"

"Menchukopi tuan, bahkan lebih dari chukop jika pandai mentadbirkan-nya".

Raja berasa hairan dan bertanya lagi: "Bagaimana-kah chara-nya wahai peladang?"

Maka peladang itu pun menerangkan seraya berkata: "Sa-bagaimana hamba terangkan tadi bahawa hamba mendapat upah sa-banyak sa-puluh kupang pada tiap2 hari, jadi-nya sa-banyak empat kupang untuk nafkah kami suami isteri, dua kupang pembayar hutang hamba yang lama. Dua kupang hamba piutangkan dan sementara dua kupang yang sa-lebih-nya saya belanjakan ka-jalan Allah".

Raja itu berasa takjub dengan keterangan peladang itu sambil berkata: "Wah, sudah pasti ini menjadi rahsia yang aku tidak mengetahui-nya.

## KESAH SA-ORANG RAJA DAN PELADANG YG. RAJIN



### KHUTBAH JUMA'AT

Chuba-lah engkau terangkan wahai peladang yang bijak supaya dapat aku mengetahui-nya.

Maka peladang itu pun menerangkan dengan kata-nya: "Begini tuan; di-rumah hamba ada tinggal sa-pasang manusia, kedua-nya ia-lah orang yang telah berjasa membela saya, dari hamba kecil di-besarkan-nya, dari bodoh di-pandaikan. Maka kini kedua-nya telah pun tua, bekerja ti-

hamba. Empat kupang pula saya belanjakan pula untuk keperluan kami berdua suami isteri. Dua kupang yang lain hamba belanjakan untuk keperluan anak2 kami yang mana merupakan hutang yang hamba piutangkan kepada anak2 kami. Piutang itu berjalan terus menerus sa-hingga mereka semua-nya dewasa dan sa-hingga dapat pula hidup sendiri. Dan bila mereka dewasa sedangkan kami pula

### "Kesah ini suatu chuntoh yang baik untuk di-ikuti demi untuk membena negara"

dak lagi terdaya, perlu kepada bantuan dan berhajat kepada kaseh sayang, maka hamba dengan perasaan penoh gembira membela dan menanggung kedua-nya. Dua kupang saya untukan kepada kedua-nya, pada tiap2 hari untuk nafkah ia-itu sa-bagai membayar hutang yang hamba tak terkira banyak-nya, kedua2-nya itu ia-lah ibu dan ayah

tua, tak larat untuk bekerja, di-harapkan semoga kira-nya mereka membayar hutang tersebut dengan mengambil berat dan memberi layanan sapenoh-nya terhadap kami. Kemudian dua kupang yang baki-nya ia-lah untuk keperluan adek hamba yang maseh belum bekerja yang mana hamba sifatkan sa-bagai perbelanjaan ka-jalan Allah.

Sa-telah raja mendengar keterangan2 peladang tersebut, maka raja itu pun berkata:

"Sesungguh-nya engkau telah mengatur hidup-mu dengan kerja2 yang amat baik, dan sekarang aku akan bertanya kepada-mu bahawa pernah-kah engkau melihat aku sa-belum ini?"

Peladang menjawab dengan ikhlas: "Demi Tuhan, belum pernah hamba bertemu dengan tuan sa-belum ini".

"Baik-lah", kata raja. "Dalam tempoh masa lima minit lagi engkau akan melihat wajah ku sa-banyak lima puluh kali".

Peladang itu kehairanan dan merasa takut, seraya ia berkata: "Hamba kurang faham akan maksud tuan. hamba. Apakah tuan hamba ini sa-orang melaikat?"

Raja itu ketawa sambil ia-nya berkata: "Aku bukan-nya sa-orang melaikat, tetapi aku ia-lah sa-orang raja yang memerintah negeri ini (sambil ia menghulurkan sa-banyak 50 kupang mata wang emas yang mana di-atas-nya terukir wajah baginda) dan wang emas ini kurnia dari Allah, aku-lah hamba-nya yang ta'at kepada-Nya, aku belanjakan kekaya-an ku sa-mata2 kerana Allah, dan kini aku serahkan pula kepada engkau sa-bagai balasan di-atas kerajinan mu dalam bekerja. Engkau-lah orang yang bijaksana arif dan bertimbang rasa, tahu dan penoh tanggung-jawab, bijak mengatur hidup dan pandai menyesuaikan pendapatan-mu sa-hingga menchukopi untuk diri-mu dan keluarga-mu, semoga Allah akan memelihara-kan engkau".

Peladang tersebut menyambut pemberian raja itu sambil bersukor dan mendo'akan kepada Tuhan semoga raja-nya sentiasa diberikan limpah dan rahmat serta selamat di-dunia dan akhirat, dan ia pun kembali dengan perasaan gembira.

Demikian suatu kegembiraan dan suatu chontoh yang baik kita ikuti demi untuk membena negara hidup sempurna dan di-redhai Allah



**MUKIM** Mesjid Jame' Sengkurong telah mengeluarkan zakat padi sa-banyak 889 gantang. Zakat padi itu telah di-serahkan oleh Imam mesjid tersebut, Awang Baha bin Abdul Karim kepada Pemangku Pengelo'a Baitol-Mal dan Zakat Fitrah, Awang Haji Tahir pada 16hb. Mei yang lalu.

Gambar atas menunjukkan pegawai2 dari Bahagian Baitol Mal-gambar dengan penduduk2 kampung sa-telah penyerahan padi tersebut. — Gambar JHEU/BP.

### Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31hb. Mei, 1972 hingga ka-hari Selasa 6hb. Jun, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

| Hari      | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Matahari Suboh Terbit |
|-----------|-------|--------|------|--------|------|-------|-----------------------|
| 31hb. Mei | 12-23 | 3-42   | 6-34 | 7-46   | 4-36 | 4-51  | 6-06                  |
| 1hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |
| 2hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |
| 3hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |
| 4hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |
| 5hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |
| 6hb. Jun  | 12-25 | 3-45   | 6-35 | 7-47   | 4-37 | 4-52  | 6-06                  |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(31hb. Mei, 1972).

## SEMPENA HARI JADI AMDB.

**B**ERSEMPENA dengan sambutan HARI JADI Askar Melayu Diraja Brunei yang ke-11 pada hari ini, orang ramai akan mendapat peluang yang lebih luas untuk meninjau kegiatan2 dan keadaan di-perkhemahan itu. Seperti biasa orang awam akan melihat lebih dekat lagi peralatan2 ketenteraan yang terdapat di-sana dan melihat lebih dekat lagi bagaimana anggota2 pasukan itu yang sa-bilangan besar-nya terdiri dari anak2 tempatan membuat tugas2 tentera.

Walau pun, pasukan tentera kita itu baru memasuki hari jadi yang ke-11 yang tentu-nya usia itu masih muda benar dari segi usia, tetapi perkembangan2 yang di-tempoh-nya ada-lah agak chepat yang menjadikan-nya kini semakin membesar dan semakin chekap.

Kechekapan itu tidak-lah pada berita2 yang mungkin di-katakan orang sengahja di-gambar-gemborkan, tetapi ia-nya di-lihat sa-chara terbuka terutama dalam masa pertunjokan2 yang akan di-adakan di-sambutan Hari Jadi-nya yang ke-11 ini.

Memandang kepada usia-nya yang masih muda ini, maka sudah tentu pula ia-nya masih mengalami beberapa kekurangan. Dan, memandang kepada usia yang demikian juga ia-nya masih dapat di-katakan belum begitu populer di-kalangan orang2 kita sendiri, khas-nya yang masih menyimpan anggapan2 yang meragukan sehingga terdapat tindakan2 gu-longan orang2 tua untuk menyekat anak2 muda mereka bagi berkhidmat dalam pasukan itu.

Bahawa sa-saorang yang menjadikan diri-nya sa-bagai ahli dalam AMDB tidak-lah berarti yang mereka itu hanya bertugas memegang senapan, berbasis, meronda dan menjalan latehan2 menembak atau pun yang di-istilahkan oleh orang tua2 kita "batimbak-timbakan" yang kemudian-nya di-khuatirkan "mati inda batundoki". Tetapi ia-nya mempunyai faedah yang lebih besar. Soal mati inda batundoki itu tidak harus kita timbukan, kerana semua orang akan mati juga akhir-nya dan chara-nya tidak siapa yang boleh meneka dengan tepat, kechuali Tohan Yang Maha Esa.

Tentang faedah yang besar itu, ada baik-nya kita sama2 merujuk kembali kepada ucapan Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja di-upacara tamat latehan rekrut2 baru dalam minggu lepas di-mana beliau menjelaskan bahawa anggota2 AMDB itu di-beri banyak peluang untuk memperbaiki dan meninggikan taraf kemahiran2 dan kelayakan2 masing2 di-pelbagai jurusan teknikal dan bokisional.

Ini bermaana bahawa mereka yang tidak melepaskan peluang untuk latehan pekerjaan yang berfaedah semasa dalam tentera itu tidak akan terbuang di-mana2 jua pun. Ini juga ada-lah merupakan satu jaminan yang amat berharga untuk hari depan mereka nanti.

**P**ERADUAN Trengkas dan Menaip yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah di-langsungkan pada 5hb. Mei yang baru lalu bertempat di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.

Peraduan itu ada-lah terbuka kepada semua pelajar2 Trengkas dan Menaip dan bekas pelajar2-nya dan di-bukakan untuk dua aliran bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris dengan tidak di-kenakan sa-barang bayaran.

Untuk meninjau lebih jauh lagi akan usaha mengadakan peraduan itu, maka satu wawanchara telah di-adakan dengan Nazir Pelajaran Dewasa yang juga sa-bagai Pengerusi Peraduan, Awang Abdul Hamid bin Othman oleh Ruangan Pelajar Di-Udara, Radio Brunei yang telah pun di-siarkan baru2 ini.

Memandang akan perlu-nya di-ketahui lebih berkesan lagi, maka wawanchara itu di-petik sa-mula untuk tatapan pembaca. — Pengarang.



Dayang Boche binte Yahya, sa-orang Kerani di-Pejabat Bangunan Guru2 Melayu Brunei kelihatan baru saja memulakan Trengkas Seni Gregg untuk di-pertandingkan dalam bahagian itu. Dayang Boche merupakan peserta yang banyak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut (gambar atas kiri).

Mereka ini kelihatan berhati2 dalam menjawab soalan2 yang di-kemukakan dan bersedia untuk menulis Trengkas yang di-bachakan oleh guru mereka (gambar atas kanan).



# PERADUAN TRENGKAS DAN MENAIP MEMPUNYAI TIGA TUJUAN BESAR

**TANYA:** Apa-kah jenis2 atau peringkat2 yang di-pertandingkan dan bagaimana sambutan pelajar2 Trengkas dan Menaip mengenai peraduan ini, serta adakah peraduan seperti ini di-adakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa bagi kali pertama?

**JAWAB:** Jenis2 atau peringkat yang di-pertandingkan ia-lah Trengkas dan Menaip Permulaan, Menengah dan Tertinggi, Steno Junior dan Senior serta mereka gambar2 daripada teknik menaip dan huruf2 trengkas. Sambutan pelajar Trengkas dan Menaip sangat menggalakkan ia-itu tidak kurang

dari 500 orang telah memasuki-nya dan peraduan seperti ini ada-lah kali kedua — ia-itu kali pertama telah pun di-adakan pada tahun lalu.

**TANYA:** Apa-kah tujuan besar-nya yang Bahagian Pelajaran Dewasa mengadakan peraduan Trengkas dan Menaip ini?

**JAWAB:** Tujuan besar-nya yang Bahagian Pelajaran Dewasa mengadakan peraduan Trengkas dan Menaip ini ada-lah:

1. Untuk menggalakkan pelajar Trengkas dan Menaip lebih bergiat lagi

atau berlumba dalam bidang pelajaran ini kerana pelajaran Trengkas dan Menaip ini boleh-lah di-katakan satu daripada faktor pelajaran yang penting juga bagi pembangunan negeri ini untuk mengikuti dan menyesuaikan sistem persuratan di-zaman moden.

2. Supaya orang ramai akan dapat mengikuti dan mengukir sa-takat manakah kemajuan dan perkembangan pelajaran Trengkas dan Menaip ini di-adakan oleh Pejabat Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dari se-

menjak di-buka hingga sekarang.

3. Memperaktikkan tujuan dasar aktiviti Bahagian Pelajaran Dewasa ia-itu menaborkan berjenis2 bidang pelajaran terhadap rakyat negeri ini dengan berbagai2 chara yang boleh di-jalankan.

**TANYA:** Dari semenjak bilakah pelajaran Trengkas dan Menaip ini telah di-adakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa dan bagaimanakah perkembangan-nya dan apakah faedah yang telah di-dapati oleh pelajar2-nya?

**JAWAB:** Pelajaran Trengkas dan Menaip ini telah di-adakan dari semenjak tahun 1958. Perkembangan-nya boleh-lah di-akui sangat memuaskan dengan memandang kepada keramaian dan kegiatan orang2 dewasa yang memasuki bidang pelajaran Trengkas dan Menaip ini dan faedah2-nya sa-bagaimana yang terbukti di-dapati masa ini, mithal-nya: sa-bahagian daripada peon telah berjaya meningkat kajiawatan kerani kerana kelulusan mereka daripada pelajaran Trengkas dan Menaip, bahkan juga beberapa orang telah berjaya menjadi Juru Trengkas dan Menaip di-mana2 Pejabat Kerajaan masa ini.

**TANYA:** Dengan selesai-nya peraduan Trengkas dan Menaip yang baru di-jalankan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa ini, adakah lagi sambongan ranchangan peraduan ini atau apa-kah ke-

munchak temasha ini seperti Istiadat Penyampaian Hadiah-nya lain ranchangan lagi?

**JAWAB:** Sambongan ranchangan Peraduan ini temasha kemunchak-nya memang ada ia-itu Istiadat penyampaian hadiah2 peraduan telah di-tetapkan pada 2hb. Jun, 1972 bertempat di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa Bahasa dan Pustaka. Hadiah2 itu akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Haji Awang Abd. Aziz bin Begawan P.U.K. Hj. Awang Omar, Pengerusi Lembaga Bandar Brunei. Di-samping itu satu Pameran Khas akan di-adakan, mengenai dengan perkembangan Pelajaran Trengkas dan Menaip dari semenjak di-adakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa. Pameran bertempat di-bilik Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan mulai 1hb. hingga 3hb. Jun, 1972 dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 petang terbuka kepada orang ramai.

**TANYA:** Apa-kah perkara2 atau jenis2 pameran yang akan di-pamerkan itu nanti?

**JAWAB:** Perkara atau jenis2 pameran yang akan di-pamerkan itu ada-lah mengandungi seperti: Peragaan Keramaian Pelajar2 Trengkas dan Menaip, Tempat2 mengadakan kelas Trengkas dan Menaip, Sukatan Pelajaran-nya, keputusan kelulusan pelajar2-nya, Buku2 yang di-gunakan, chara2 pentadbiran-nya,

gambar2 mengenai aktiviti pelajaran Trengkas dan Menaip, dan sa-bagai-nya. Bahkan perkara baru yang mungkin di-dapati dalam pameran itu nanti ia-lah satu pameran khas daripada Sharikat Oliveti yang akan mempamerkan bersama berbagai2 alatan Oliveti seperti: Type-writer, Adding Machine, computer dan pertunjokan Menaip sa-chara praktikal dengan menggunakan musik dan sa-bagai-nya.

**TANYA:** Nampak-nya persiapan sedang di-ator oleh Jawatan Kuasa Kerja mengenai Temasha Penyampaian Hadiah Peraduan Trengkas dan Menaip ini dan bagitu juga persediaan Pameran mengenai perkembangan Pelajaran Trengkas dan Menaip yang akan di-adakan ini. Dari itu adakah lagi perkara2 yang Chegu akan terangkan mengenai temasha ini?

**JAWAB:** Dengan ini ingin saya mengambil kesempatan untuk menyeru orang ramai terutama para jemputan khas supaya sudi datang untuk menyaksikan pameran mengenai perkembangan Trengkas dan Menaip yang akan di-adakan pada tarikh dan di-tempat yang saya terangkan di-atas tadi. Juga kepada pelajar2 Trengkas dan Menaip dan guru2 Trengkas dan Menaip serta orang2 yang berkenaan yang telah di-lantek menjadi ahli Jawatan Kuasa Kerja dalam perkara ini, sila-lah mengambil perhatian untuk menunaikan tugas masing2.



Dayang Aisah binte Ahmad kelihatan hampir selesai menaip surat 'Semi Block' untuk di-pertandingkan dalam peraduan Menaip peringkat Menengah.

Hanya sedikit saja lagi akan di-taip. Mereka merasakan pelajaran menaip paling istimewa. Kelihatan dalam gambar ini di-bahagian depan kiri, Dayang Ruziah binte Ahmad dan di-belakang-nya Dayang Rokiah binte Taha kedua2-nya penuntut form V di-Maktab SOAS.



Bertenang sambil berfikir sa-belum menjawab soalan2 dalam peraduan supaya hasil-nya mendapat kesan yang baik dan berjaya.

# JAGOH KERATE DI-BRUNEI

**P**ROFESSOR Hironori Ohtsuka, jagoh juru lateh karate, pengasas dan Presiden Kerhormat Sekolah Karate WADO (sekolah karate yang terbesar sekali di-dunia), naib pengerusi Persatuan Karate seluruh Jepun dan Pengarah Perkembangan Seni Karate Jepun telah melawat Brunei baru2 ini. Sunggoh pun beliau berumur orang-nya dan beruban, Professor Ohtsuka maseh gagah.

Di-akui sa-bagai ahli yang paling tertinggi mempunyai kuasa terhadap karate, Professor Ohtsuka telah di-hadiahkan pingat Shijo Hoosho (tali pinggang kebesaran Negeri Jepun) oleh kerajaan Jepun bagi sumbangan-nya kapada karate. Menurut sejarah karate hanya beliau sa-orang yang telah menerima penghormatan tersebut.

Professor Ohtsuka tiba di-Brunei dari Jepun pada hari Rabu 10 Mei dalam perjalanan-nya melawat ka-semua Sekolah Karate WADO di-mana beliau telah mengambil kesempatan menyertai ahli2 karate itu dalam latehan mereka bersama2 menikam, menumbuk dan menendang serta membetulkan kelemahan2 mereka dan memberi pertunjukan2 seni yang menjadikan beliau terkenal itu.

Berumur 80 tahun, Professor Ohtsuka ada-lah satu chontoh betapa seni mempertahankan diri itu boleh melanjutkan kesihatan sa-seorang. Semua ahli2 karate kagum apabila melihat beliau mempertunjukkan kehandalan-nya ketika menyerang dan menentang serangan.

Sukar bagi mereka untuk memperchayai bahawa professor yang senantiasa mengorak senyum yang berumur 80 tahun itu dengan sa-jajar-nya boleh menyerang dan mempertahankan diri begitu mudah. Beliau akan bersedia menerima serangan itu sa-hingga saat yang terakhir sa-belum menangkis, dan dengan satu gaya pusingan sa-olah2 langkah tarian ballet beliau akan mengelak pukulan itu sambil melepaskan tumbukan-nya yang merbahaya.

Bagi Professor Ohtsuka serangan dan pertahanan adalah sa-bahagian gerak yang sa-laras dan ini menurut professor itu ada-lah pelajaran utama yang di-ajarkan di-Sekolah Karate WADO. Satu lagi gerak yang penting menurut professor itu ia-lah kepantasan — sambil satu serangan ditangkis atau di-terima, ahli karate itu harus dengan segera menukar langkah kapada satu chara serangan baru.

Sa-tiba-nya di-sini beliau telah mempertunjukkan asas kecekapan2 itu di-Bandar Seri Begawan dan Seria dimana tiga penemuan ahli2 karate telah di-adakan.

Persatuan Amateur Judo Karate Negeri Brunei telah menganjorkan satu pertunjukan perchuma kapada orang ramai bertempat di-Pusat Belia pada hari Ahad 21 Mei yang lalu. Beliau telah di-ser-

tai oleh anak lelaki-nya Jiro dan juga bakal pengganti-nya yang mengiringi beliau dalam lawatan2-nya ka-seluruh dunia.

Professor Ohtsuka di-lahirkan dalam tahun 1892 dan mula berlatah seni Jiu Jitsu ketika berumur enam tahun. Apabila berusia 30 tahun beliau telah mahir dalam gerak seni Karate Okinawa di-bawah pimpinan juru jagoh karate Giehin Funakoshi. Menyatukan kehandalan-nya dalam kedua chara pertahanan itu serta pengetahuan-nya mengenai seni mempertahankan diri am-nya, Professor Ohtsuka telah menghabiskan beberapa tahun untuk memaju dan menyebarkan chara2 seni WADO RYU (chara sekolah harmoni) dan menanam semangat perjuangan dalam seni karate moden.

Buat sa-lama 20 tahun yang sudah beliau telah berlatah sa-lama 26 minit tiap2 pagi dengan penoh semangat memahamkan satu chara teknik sahari dan beliau akan terus melatah teknik itu tiap2 hari sa-hingga sa-bulan.

Beliau tidak meminum minuman keras dan telah berhenti merokok sejak 20 tahun yang lalu, beliau lebih suka berdiri daripada duduk apabila menaik kereta, menggunakan tangga untuk naik ka-tingkat lima sa-sebuah bangunan daripada menggunakan lift dan mengambil kesempatan berlatah chara2 meng-



Professor Hironori Ohtsuka (atas) dan anak-nya Jiro.



elak, menghilangkan diri, atau menahankan diri dan seterusnya apabila berjalan di-tengah2 khalayak ramai.

Tujuan-nya yang utama ialah untuk menubuhkan sebuah persatuan yang akan mengajar segala chara mempertahankan diri seni Jepun bawah satu arahan dengan dibantu dan di-kuasai oleh kerajaan. Persatuan itu akan mengukuhkan lagi seni tersebut dan menjalankan aktiviti2-nya dengan penoh semangat, tenaga dan usaha.

## Lumba bernang berganti2 24 jam

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Persatuan Bernang Amator Negeri Negeri Brunei akan menganjorkan lumba bernang berganti2 sa-lama 24 jam dalam bulan Julai hadapan.

## J/K sambutan puja

usia **D.Y.M.M.**

bagai **Daerah**

**Belait di-bentok**

**KUALA BELAIT.** — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah di-lantek menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun bagi di-Daerah Belait.

Pemilihan itu telah di-adakan dalam satu mesuarat di-Dewan Kemesharakatan di-Kuala Belait baru2 ini.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Haris telah di-lantek menjadi Setiausaha Agong dan Awang Mohamed Taib bin Haji Mohammed Said, Penolong Setia Usaha Agong.

Lain2 ahli jawatankuasa ialah:

Bendahari — Awang Liew Loke, Timbalan Bendari — Awang Zainal Abidin bin Puteh, Penyelia Am Keselamatan OCPD Daerah Belait, Awang V.E. Pike dan Penyelia Am, Awang Peter Lee.

Mesuarat itu juga telah memilih pengerusi berbagai2 jawatankuasa.



Ini telah di-chapai dalam mesuarat yang telah di-adakan baru2 ini.

Lumba bernang itu ada-lah salah satu achara yang telah di-ator untuk meraikan hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-26 tahun dan akan di-adakan di-Kolam Bernang Kampong Anggereka Desa pada 23hb. Julai.

Mesuarat pada hari itu juga telah memilih ahli2 jawatankuasa yang baru untuk mentadbir persatuan tersebut bagi tahun 1972/1973.

**GAMBAR** kiri menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg. Hajid Rajid, Naib Yang Di-Pertua Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei sedang menyampaikan piala kapada Awangku Besar Pengiran Hidup.

Ak. Besar telah berjaya mengalahkan Ak. Tajuddin bin Pengiran Mohd. Salleh dalam Kejohanan Tinju Kebangsaan Negeri Brunei bahagian flyweight yang telah di-adakan di-Pusat Belia baru2 ini.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-PEJABAT PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

### Sa-bagai

#### Juruteknik X-Ray

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa bagi jawatan2 Juruteknik X-Ray di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berke-layakan dan berpengalaman sa-bagai Juruteknik X-Ray.

Mereka mesti-lah sedia untok menjalankan tugas2 biasa sa-bagai sa-orang Juruteknik X-Ray termasuk menchuchi filem; dan, jika perlu, menjalankan tugas2 pentadbiran dalam Jabatan X-Ray di-ma-na mereka bekerja.

Rumah sakit2 Kerajaan dalam Negeri Brunei di-lengkapi dengan Radiological Protection Service.

Pakaian seragam akan disediakan dan juga elaon dhobi tiap2 bulan akan dibayar.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

#### Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama enam bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

#### Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 22hb. Jun, 1972.

#### 1 MEKINIK TINGKAT II (2 kosong)

##### Kelayakan dan Pengalaman:-

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekinik dengan sa-sabua workshop.

##### Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

#### 2. TUKANG KAYU TINGKAT II (1 kosong)

##### Kelayakan dan Pengalaman:-

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Me-yu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-per-timbangkan Pemohon2 mesti-lah boleh

a) menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksa-kan kerja2 itu; dan

b) menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

##### Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5 — 240.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 Sulit mengenai pemohon bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 12hb. Jun, 1972.

## Sa-bagai Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri daripada rayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pulis, Brunei.

Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon:-

#### TUKANG MASAK

— 4 jawatan di-Pusat Latihan Pulis Jalan Muara.

— 1 jawatan di-Pasokan Simpanan 'B' Company, Jalan Berakas.

##### Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 — \$220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 18hb. Jun, 1972.

## KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

### SURAT KUASA PESAKA

No. 17/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Asiah binte Samat, d/a Kampong Layong, Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Idris bin Yusof yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1972.

### SURAT KUASA PESAKA

No. 20/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Pait binte Posok, d/a Francis Ang, Instrument Shop, B.S.P. Co. Ltd., Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tampil bin Bayan @ Tikor bin Bayan yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Jun, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1972.

### IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, ADMINISTRATION SUIT

No. 16 of 1972.

Application to this Court having been made by Khoo Wong Poh @ See Wang Poh of J 19/6B, Lorong 4, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of See Wang Kui late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful brother of the deceased.

Notice is hereby give that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 6th day of June, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any persons wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 24th day of May, 1972.

### ADMINISTRATION SUIT

No. 18 of 1972.

Application to this Court having been made by Madam Sim Guen Noi of P.O. Box No. 1150, residing at Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administra-

tion to the estate and effects of Lee Then Su late of Bandar Seri Begawan, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 6th day of June, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 24th day of May, 1972.

### ADMINISTRATION SUIT

No. 19 of 1972.

Application to this Court having been made by Chang Kon Lin @ Ching Ah Lin of Lot No. 2136, Kampong China, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wan Sun Wah late of Kuala Belait deceased, on the ground that applicant is lawful aunt of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 6th day of June, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 24th day of May, 1972.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**  
Pegawai Penguasa Warith.  
Negeri Brunei.

## PEMENANG2 SEPAK TAKRAW AKAN DI-HADIAHKAN WANG TUNAI, SA-LAIN DARI PERISAI DAN PIALA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Sa-lain dari perisai dan piala2, pemenang2 perlawanan sepak takraw pada tahun ini akan juga menerima hadiah2 berupa wang tunai.

Ini ada-lah merupakan satu perubahan yang baru bagi tujuan untuk menggalak dan meninggikan lagi mutu permainan sepak takraw di-tanah ayer.

Demikian di-umumkan oleh Pengerusi perlawanan itu, Awang Haji Md. Husain Zainal baru2 ini.

Perlawanan itu ada-lah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bagi meraikan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam bulan Julai ini.

Hadiah2 wang tunai itu di-sifatkan sa-bagai hadiah2 istimewa di-mana pemenang pertama akan menerima sa-banyak \$75.00; kedua, \$50.00 dan ketiga, \$25.00.

Perlawanan tersebut terbuka kepada jabatan2, kelab2, sekolah2 dan persatuan2 yang terdaftar seluruh Negeri Brunei.

Tiap2 peserta di-bolehkan menghantar tidak lebih dari dua pasukan yang tiap2-satu pasukan mengandungi sa-ramai 5 orang termasuk dua orang simpanan.

Bayaran bagi memosaki perlawanan itu ia-lah \$8.00 bagi satu pasukan dan \$15.00 bagi dua pasukan. Hanya nama2 pemain yang terdaftar sahaja di-benarkan bermain bagi pasukan yang di-masokinya.

Pendaftaran bagi memosaki perlawanan itu di-tutup pada 10hb. Jun, 1971 bagi peserta2 di-Daerah Brunei dan Muara, sementara bagi peserta2 di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong di-tetapkan oleh pengerusi2 perlawanan di-daerah2 tersebut.

Wang pembayaran bagi memosaki perlawanan itu hendaklah di-sertakan bersama2 dengan borang permohonan masuk.

Borang2 bagi peserta2 di-Daerah Brunei dan Muara boleh di-dapati dan di-kembalikan kepada Awang Mohammad Ismail, Jabatan Pelajaran; Awang Idris Abdul Hamid, S.M. Puser Ulak; Awang Emran Haji Hassan, M.M.P. Seri Begawan Sultan, dan Awang Abdullah Thani Haji Ali Husain, SMM.SMJA.

Di-Daerah Belait ia-lah Awang Morne Md. Daud, SMM. Muhammad Alam, dan Awang Md. Daud Ismail, SMM. Ahmad Tajuddin.

Di-Tutong ia-lah Pengiran Kahar b'n Pengiran Metali, SMM. Muda Hashim, dan di-Temburong ia-lah Awang Rosli bin Abd. Hamid, SMM. Sultan Hasan, Bangar.



## SENILUKIS

(Dari muka 1)

Jawatankuasa peraduan dan pameran seni lukis itu akan melaksanakan tapisan2 semua karya2 yang di-hantar dan hanya karya2 yang sesuai sahaja akan di-pamerkan. Mengenai dengan penghakiman, juruchakap itu menegaskan bahawa ia-nya akan di-laksanakan dengan berdasarkan nilai seni dan keaslian karya2.

Pelukis2 yang menyertai peraduan itu hendaklah membubuh penerangan2 pelukis2 itu di-belakang lukisan masing2 seperti nama pelukis, alamat, tajok karya, peringkat, bahagian dan harga jika untuk di-jual.

Mengenai dengan keselamatan lukisan2 itu, juruchakap itu menjelaskan bahawa jawatankuasa tersebut tidak bertanggung-jawab atas kehilangan atau kerosakan kepada karya2 sama ada sa-belum atau sa-sudah peraduan, tetapi langkah2 akan senantiasa diambil bagi menjaga keselamatan karya2 yang di-masokkan dalam peraduan.

Pelukis2 yang ingin menyertai peraduan tersebut hendaklah menghantar karya2 mereka kepada Setiausaha, Peraduan dan Pameran Seni Lukis, Sambutan Hari Keputeraan Ke-26 D.Y.M.M., di-alamat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak lewat pada 4hb. Julai, 1972.

## Majalah tafsir siri ke-6

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri ke-6 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan sedang dijual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini, "TAFSIR DARUS-SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (61) hingga (70) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

## Peraduan 'Ratu Brunei'

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Peraduan "Ratu Brunei" akan merupakan salah satu daripada acara perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei tahun ini.

Peraduan tersebut akan diadakan di-satu pesta tari-menari pada hari Sabtu, 8hb. Julai di-Bandar Seri Begawan.

Ia-nya di-kelolakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei

Peraduan itu terbuka kepada wanita2 yang berumur 16 tahun ka-atas dan telah tinggal di-negeri ini tidak kurang dari enam bulan.

Borang2 masuk boleh di-dapati dari pengerusi peraduan itu, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman, Peti Surat 331, Bandar Seri Begawan, dan Dayang Nafisah binte Haji Ali, Radio Brunei.

Borang2 itu hendaklah diisi dan di-hantarkan tidak lewat dari 1hb. Julai, 1972.

## Chalun2 Ketua Kg. Beribi

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Penduduk2 di-Kampung Beribi di-Daerah Brunei dan Muara telah memilih tiga orang chalun, Awang Jumat bin Haji Tamit, Awang Lamit bin Samsu dan Awang Sukor bin Pakar bagi memenohi jawatan sa-bagai ketua kampung yang baru bagi kawasan itu.

Majlis penchalunan itu diadakan di-Sekolah Melayu Beribi pada hari Sabtu lepas dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Jawatan ketua kampung yang baru itu ia-lah bagi memenohi kekosongan di-sebabkan oleh kematian bekas Ketua Kampung, Haji Nassar bin Puasa.

**DAYANGKU** Farinah binte Pengiran Radin (di-tengah2) telah di-pilih sa-bagai 'Ratu Pertiwi' dalam satu peraduan yang telah di-adakan di-Pusat Belia pada minggu lalu.

Dayangku Norlia binte Pg. Chuchu (sebelah kanan) mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Rokiah binte Haji Zainal Abidin.

Peraduan memilih Ratu Pertiwi itu ada-lah kemunchak dari acara Malam Pertiwi yang di-anjorkan oleh Persatuan Pertiwi.

Sa-ramai 22 orang peserta telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

**SA-RAMAI** enam orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran dalam kelas pra-Universiti di-Kolej Islam, Klang dan Maktab Kadir Adabi, Kelantan.

Penuntut2 itu ia-lah Dayang Norzainah bte. Md. Tahir, Dy. Datang bte. Puasa, Awang Ishak bin Haji Abdullah, Dy. Rashidah bte. Tengah, Dy. A'shah bte. Haji Md. Yusof dan Dy. Noriah bte. Muhammad (gambar bawah) — Gambar JHEU/BP.

